

Menjalani Perintah Kawalan Pergerakan demi memutuskan rantai pandemik COVID-19

Umat setia ikuti Misa Kudus live streaming

MEMBAKUT : "Sekatan pergerakan adalah satu rahmat yang tersembunyi di sebalik kesukaran hidup." demikian kata-kata Helenna Henna Ensil, seorang ibu dan umat paroki St.Patrick Membakut ketika dihubungi oleh Komsos St Patrick, Membakut.

Beliau yang telah mengadakan upacara Jalan Salib bersama keluarga dan juga menonton Misa Kudus secara langsung melalui aplikasi Facebook di Internet merasa bangga dengan kerjasama yang diberikan oleh semua ahli keluarga beliau.

"Saya tidak pernah merasa hubungan serapat ini dengan keluarga, lebih-lebih lagi dengan anak-anak yang sudah meningkat remaja. Saya gembira mereka berada di rumah dan berdoa bersama. Namun demikian, saya tetap rindu untuk menyambut Tubuh Kristus," katanya lagi.

Bagi Paroki St.Patrick Membakut, Father Benedict Runsab juga telah merayakan Misa Kudus secara *online* dan disiarkan di dalam laman Facebook Komsos St.Patrick Membakut.

Di dalam homilinya, beliau mengingatkan semua umat agar tetap berdoa terutama pada masa ini di mana dunia sedang mengalami pencubaan.

Pada mulanya, wujud keraguan bagaimana meneruskan Misa Kudus hari Minggu kerana pandemik COVID-19 yang semakin



Keluarga Helenna Henna Ensil sedang mengikuti Misa Kudus secara online di rumah.

membimbangkan. Bagaimanapun beliau bersyukur kerana dapat mengadakan Misa Kudus meskipun dalam situasi sederhana namun ia dapat memberi komuni rohani serta mewartakan Sabda Tuhan kepada umat yang menontonnya di rumah.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara yang diumumkan oleh kerajaan pada 18 Mac, 2020 menyebabkan umat Katolik di daerah ini sentiasa berwaspada dan harus tinggal di dalam rumah.

Namun rata-rata dari mereka



Keluarga Alphonsus Biniki sedang mengikuti misa kudus bersama-sama keluarga jiran.

yang sempat dihubungi berkata, situasi tersebut tetap memberi impak positif kepada keluarga masing-masing.

Ini kerana mereka mempunyai banyak masa terluang bersama keluarga dan berkesempatan berdoa bersama. Bagi keluarga Alphonsus Biniki, Misa kudus secara online dirayakan bersama sebuah lagi keluarga jiran.

"Merayakan Misa kudus seperti ini dalam suasana kekeluargaan adalah lebih santai dan dapat mengurangkan tekanan perasaan terhadap situasi semasa di negara kita," katanya ketika dihubungi.

Berlainan pula dengan Mary Echin Basintal yang telah mengadakan upacara sembahyang peringatan arwah 40 hari bagi

salah seorang ahli keluarganya. Kesedihan amat ketara kerana upacara hanya dapat dihadiri lebih kurang 15 orang ahli keluarga dan jiran yang berhampiran.

"Pada asalnya semua saudara mara mahu hadir. Tetapi kerana PKP, saudara yang tinggal di kampung sebelah juga tidak dapat menghadirkan diri." Namun begitu beliau memahami peraturan yang ditetapkan dan berharap keadaan akan kembali pulih seperti sedia kala.

Walaupun Sabah diisytiharkan sebagai antara negeri tertinggi kes Covid-19 di Malaysia, umat Katolik Membakut tetap tenang menyertai upacara Jalan salib dan Misa Hari Minggu secara online bersama keluarga.

Paderi Paroki Tambunan seru umat bijaksana jalani tempoh Perintah Kawalan Pergerakan

TAMBUNAN: Para Paderi di Keuskupan Keningau selain mengadakan Misa Kudus hari Ahad, Upacara Jalan Salib dan Misa Harian secara online, mereka juga sering memastikan kedekatan mereka dengan umat melalui aplikasi media sosial.

Melalui pesanan *Whatsapp*, Father Rudolp Joannes, Paderi Paroki St Theresa Tambunan, yang juga merupakan Chansellor di Keuskupan Keningau telah berpesan kepada seluruh umat Katolik di Paroki St Theresa.

Kementerian Kesihatan Malaysia menyatakan sehingga 2 April 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat 208 kes baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 3,116 kes.

Fr Rudolp meminta umat tidak terlalu panik dan takut akibat penularan COVID-19 ini, "Kerana kita masih ada Tuhan yang mengasihi kita. Berharaplah dan yakinlah pada Dia selalu."

Paderi itu juga berpesan kepada ahli-ahli keluarga akan beberapa perkara berikut:

1. Bijaksanalah mengurus hal ehwal kewangan dan keperluan harian Jangan terlalu boros kerana kita tidak tahu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini sama ada selesai pada 14 April atau akan dilanjut-



Fr Rudolp Joannes. Gambar File.

kan lagi, ia bergantung kepada keadaan semasa.

2. Jangan kerap berpesta makan, minum alkohol dan bermabukan. Jaga kesihatan kerana hospital pada masa ini adalah sangat bahaya untuk dikunjungi jika kamu sakit.

3. Ambil masa berehat di rumah dan sila berada dalam kawasan rumah sahaja.

4. Jangan terlalu berbelanja yang tidak penting sebaliknya utamakan keperluan

harian keluarga seperti beras, sayur, garam dan sebagainya ... kerana keadaan ekonomi juga semakin merudum akibat COVID-19 ini.

5. Bajet kewangan harus dirancang. Usah terlalu asyik mengguna wang untuk pembelian tidak penting seperti tapai, *tumpang*, *beer*, *stout* dan *montoku*.

6. Kalau boleh ambil inisiatif bercucuk tanam dalam kawasan rumah sendiri atau gunakan sistem Aquaponic atau hydroponic sekiranya tidak ada ruang. Amalkan penanaman di halaman rumah.
6. Jangan terlalu bergantung kepada pasar dan kedai di sekitar kita.

Menurut Fr Rudolp, "Kita tidak tahu apa yang berlaku pada hari esok jadi sama samalah kita bertanggungjawab dan bekerjasama."

"Pada masa sekarang mari kita sungguh-sungguh mengambil dan meluangkan masa untuk berdoa bersama dalam keluarga di manapun kita berada. Marilah kita memohon belaskasih Tuhan agar Dia campurtangan, berbelaskasih dan melindungi kita semua dan menghapuskan pandemik COVID-19 ini secepat mungkin."

Saya percaya kita tidak mahu melihat mayat bergelimpangan nanti di Malaysia

terutama di Sabah kerana tindakan kita yang tidak bekerjasama dan tidak bertanggungjawab."

Fr Rudolp kemudiannya mengulangi amaran serta peringatan daripada pihak doktor, *frontliners* dan *backliners* bahawa mereka pun semakin penat merawat dan menjaga mangsa-mangsa coronavirus.

"Jika mereka tumbang pasti kita semua bermasalah besar. Oleh itu sila ambil secara serius masalah yang sedang menimpa kita semua!" tegas Fr Rudolp.

Fr Rudolp yang juga pertama kali memimpin Misa Kudus secara online melalui Facebook St Theresa Tambunan pada 22 Mac lalu mengajak umat untuk bersyukur kerana tetap dapat mengikuti Misa Kudus secara online. Katanya ada di negara atau tempat lain yang melarang Misa Kudus disiarkan secara langsung di Internet.

"Ada juga beberapa tempat yang tidak dapat menonton Misa Kudus secara live tetapi hanya mendengar audio sahaja," katanya. Paderi Paroki St Theresa itu meminta agar umat tidak terlalu berfikiran negatif semasa menjalani PKP.

"Tempoh ini ada kebaikannya. Ia adalah masa untuk Tuhan, masa untuk keluarga dan merawat bumi kita yang semakin tenat," ujar Fr Rudolp.